

'Tiada pihak untung jika bertelagah'

mls:2

BH - 30/11/2023

Pemimpin diingat tidak lupa tunai tanggungjawab, pastikan nasib rakyat terbelah

Oleh Muhammad Zulsyamini
Sufian Suri dan Muhamad
Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tiada mana-mana pihak akan beroleh keuntungan jika termakan hasutan pemimpin politik tertentu supaya masyarakat berbilang kaum di negara ini saling bertelagah dan bergaduh.

Tanpa merujuk mana-mana pihak, Perdana Menteri berkata, mereka yang berada di atas hanya menyuruh supaya pergaduhan antara kaum dicetuskan, namun mangsa yang melaksanakan pergaduhan itu adalah rakyat atau mereka yang berada di bawah.

"Balik-balik mereka suruh bergaduh antara Melayu-Cina-India. Saya ingin tegaskan, bila kita bergaduh antara sesama kita apa yang untung?"

"Rakyat tak untung sebab yang bergaduh adalah orang di bawah. Yang suruh gaduh pula siapa? Orang politik di atas," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 1,000 hadirin sempena Program Sambutan Hari Festival Ponggal di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Klebang, Chemor, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar mengingatkan pemimpin supaya tidak melupakan rakyat khususnya golongan susah, ketika mereka sudah mempunyai kuasa dan kedudukan.

Ahli Parlimen Tambun itu turut mendedahkan beliau terinspirasi dengan lagu Tamil kegemarannya iaitu *Naan Aanaiyittal*, yang dinyanyikan artis terkenal India, MG Ramachandran atau lebih dikenali MGR, dengan berkata lagu itu mengajarnya supaya tidak lupa tanggungjawab terhadap rakyat.

"Saya selalu ingatkan kawan-kawan kalau ada kuasa, gunakan untuk rakyat," katanya yang turut mengingatkan pemimpin supaya kuasa kedudukan itu digunakan bagi kebaikan rakyat tanpa mengira kaum.

Dalam perkembangan berasingan, Anwar berkata, sepanjang tempoh sebulan setengah lalu, beliau melihat pelabur asing, termasuk dari China, India, Amerika Syarikat (AS) serta Eropah



Sultan Nazrin berkenan beramah mesra bersama Anwar pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina Peringkat Negeri Perak di Taman Tema Lost World of Tambun yang juga disertai Ahmad Zahid, semalam. Turut berangkat, Raja Jaafar dan Raja Iskandar Dzurkarnain. (Foto BERNAMA)

sudah menunjukkan minat melabur di negara ini.

Hormati kaum lain

Mengenai festival Ponggal pula, Perdana Menteri berkata, upacara dikaitkan dengan kaum tidak seharusnya dikaitkan dengan upacara agama kerana kelak akan mewujudkan jurang untuk kaum lain turut sama meraikannya.

"Sebab itu saya minta kawan-kawan yang Melayu pun datang meraikan (kerana) ini (Ponggal) bukan upacara agama sahaja. Ia pesta menuai dan di India, saya lihat ia disambut bersama oleh masyarakat Hindu dan Muslim.

"Saya datang, hadir ke sini untuk bersama menghormati dengan meraikan budaya pesta menuai masyarakat India ini. Orang Melayu pun harus faham," katanya.

Sementara itu, Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dan Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, semalam

berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina di Taman Tema Lost World of Tambun, dekat sini.

Turut berangkat keluarga Diraja Perak, termasuk Raja Muda Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa serta Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzurkarnain Sultan Idris Shah.

Turut hadir, Anwar; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Majlis anjuran kerajaan negeri itu dimeriahkan dengan kehadiran hampir 40,000 pengunjung dari serata Perak.

Sempena sambutan itu, pengunjung berpeluang memasuki taman tema berkenaan secara percuma bermula pada jam 2 petang sehingga 6 petang.

Saarani dalam ucapannya berkata, rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama dapat merasai semula kemeriahan sambutan Tahun Baharu Cina selepas ia disambut dalam suasana

suram berikutan pandemik COVID-19.

Beliau berkata, semangat perpaduan dan kebersamaan rakyat Malaysia menjadi kunci kepada kelangsungan negara, tatkala berhadapan wabak berbahaya berkenaan.

"Banyak petanda yang membayangkan tahun 2023 akan sarat dengan ujian dan rintangan, terutamanya prospek ekonomi global yang dijangka mengalami ke-melesetan, sekali gus mencetuskan segala macam ketidakpastian.

"Cabaran ini menuntut kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan untuk terus berganding bahu memastikan negara sentiasa berada pada paksi stabilan, termasuk memulihkan ekonomi dan membantu rakyat mengharungi cabaran mendedakan," katanya.

Pada majlis itu, Sultan Perak berkenan memberi angpau kepada 66 anak yatim dari tiga rumah anak yatim di Ipoh, Taiping dan Kuala Kangsar.